

TRAGEDI JAMBATAN PULAU PINANG

Bapa mangsa buat laporan polis

GEORGETOWN - Seorang lelaki membuat laporan polis selepas anak lelakinya berusia 20 tahun tidak pulang sejak malam kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, lelaki itu hadir di Ibu Pejabat Polis SPT, jam 5 petang semalam, untuk buat laporan.

"Bapa mangsa diberitahu oleh rakan anaknya bahawa kereta dipandu anaknya iaitu jenis Mazda CX5 berwarna putih telah terlibat kemalangan dan terjatuh ke dalam laut.

"Mangsa dikenali sebagai Moey Yun Peng adalah pelajar sebuah kolej

swasta dan tinggal di Taman Kempas, Butterworth," katanya.

Menurutnya, sehingga kini, tiga saksi bebas dan dua rakan mangsa telah tampil membantu siasatan.

"Kesemua saksi telah dirakam percakapan mereka dan dua rakan mangsa mengaku mangsa terlibat dalam kemalangan tersebut. Menurut mereka, mangsa dalam perjalanan pulang daripada menyambut hari lahir rakan mereka di Georgetown.

"Sementara itu, seorang saksi bebas yang nampak kejadian telah beri kerjasama dan berkongsi video 'dash cam' kereta miliknya kepada polis," katanya.

'Bunyi dentuman kuat ketika memancing'

GEORGETOWN - Seorang saksi kejadian tergamam apabila ternampak sebuah kereta putih terjunam ke dalam laut ketika sedang memancing bersama beberapa rakannya, pagi semalam.

Dia yang enggan dikenali berkata, ketika kejadian, dia bersama lima rakannya memancing di tiang bawah Jambatan Pulau Pinang, jam 2.40 pagi.

Menurutnya, ketika leka memancing, mereka terdengar bunyi dentuman kuat sebelum ternampak sebuah kereta terjunam ke dalam laut.

"Kami nampak macam kereta tapi tak tahu jenis. Kami yang panik cuba menyuluh ke arah kereta tu terjatuh.

"Tapi keadaan waktu tu agak gelap dan kami tak nampak apa-apa. Salah seorang rakan hubungi bantuan pihak berkuasa," katanya.



Bomba memeriksa kesan pada tembok jambatan.

Kereta terjunam dalam laut

Cuba elak kenderaan lain yang terbabas

SYAJARATULHUDA
MOHAMAD ROSLI

GEORGETOWN

Sebuah kereta terjunam ke dalam laut selepas terlibat dalam kemalangan dengan sebuah kenderaan lain di Jambatan Pulau Pinang, awal pagi semalam.

Jurucakap bomba berkata, kemalangan itu berlaku dari pulau menghala ke seberang, jam 2.45 pagi.

Menurutnya, dua kenderaan terlibat dalam kemalangan berkenaan, dengan sebuah kereta Toyota Vios remuk dan pemandunya berusia 20-an cedera ringan.

"Apabila sampai di lokasi, didapati hanya sebuah kereta sahaja iaitu Toyota Vios. Maklumat daripada orang awam mengatakan, ada sebuah lagi kereta telah terjunam ke dalam laut.

"Maklumat mengenai kereta



Polis menggiatkan usaha dalam operasi pencarian mangsa.



Polis Marin turut membantu mencari mangsa.

yang terjunam dan status mangsa belum diperolehi.

"Operasi pencarian sedang dijalankan dan kita mendapat bantuan daripada Polis Marin," katanya di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid pula berkata, siasatan awal di tempat kejadian mendapati, kejadian dipercayai berpunca apabila Toyota Vios terbabas sendiri di lorong kanan, lalu

melanggar pembahagi jalan.

"Pada ketika itu, ada sebuah kereta dari arah belakang lorong sama cuba mengelak, lalu terbabas ke sebelah kanan dan hilang kawalan lalu merempuh tembok di sebelah kiri sebelum tercampak ke dalam laut.

"Siasatan awal mendapati, terdapat CCTV di KM4.0 iaitu kira-kira 100 meter dari lokasi kereta terbabit dipercayai terjatuh. Selain itu, ada satu lagi CCTV di KM5.3," katanya.

Menurutnya, rakaman CCTV berjaya mengesan sebuah kereta berwarna putih disahkan terjatuh ke dalam laut.

"Sehingga kini, kerja pencarian masih dijalankan dengan bantuan Polis Marin dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Kes belum diklasifikasikan kerana operasi pencarian masih dijalankan. Sementara itu, pemandu Toyota Vios yang mengalami kecederaan kini dirawat di Hospital Seberang Jaya," katanya.

Buku manual kereta dijumpai

GEORGETOWN - Pasukan penyelamat menjumpai buku manual kenderaan ketika operasi mencari kereta yang terjunam ke dalam laut di Jambatan Pulau Pinang, awal pagi semalam.

Jurucakap bomba berkata, buku manual itu belum dipastikan sama ada ia milik kenderaan tersebut atau sebaliknya.

"Buat masa ini, bomba yang dibantu Polis Marin sedang mencari di sekitar Kilometer 4.0 dengan radius 50 kaki.

"Maklumat awal yang diperolehi,

kereta yang terjatuh itu jenis kenderaan utiliti sukan (SUV) berwarna putih," katanya.

Sementara itu, operasi mencari dan menyelamatkan dihentikan, jam 7 petang semalam.

Komander Polis Marin Wilayah 1, Asisten Komisioner Rosman Ismail berkata, ia dihentikan kerana keadaan cuaca semakin gelap.

Menurutnya, sehingga petang semalam, pasukan penyelamat tidak menemui kereta jenis kenderaan utiliti

sukan (SUV) iaitu Mazda CX-5 berwarna putih itu.

"Pencarian dilakukan di kawasan sekitar KM 4.0 Jambatan Pulau Pinang dan kawasan sekitar radius 25 meter persegi. Bagaimanapun, kita gagal menemui kereta tersebut.

"Antara cabaran dalam operasi ini adalah arus deras dan air berkabut. Pasukan menyelam telah menyelam sedalam 20 meter namun setelah 12 jam mencari, kita masih belum menemui kereta dan pemandunya," katanya.

Kejadian berlaku di KM4.0 Jambatan Pulau Pinang



- 1 Kereta jenis SUV berada di lorong kanan.
- 2 Kereta jenis Toyota Vios hilang kawalan selepas mengelak kenderaan di laluan tengah dan merempuh SUV.
- 3 Kereta SUV terbabas ke kiri dan merempuh tembok sebelum terjunam dalam laut.

